

3766/1

PERNIAGAAN  
KERTAS 1NOVEMBER  
1 JAM 15 MINIT

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM  
2021**

**PERNIAGAAN  
KERTAS 1  
MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT**

**ARAHAN:**

1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan objektif.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

*Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak*

- 1 Apakah kepentingan keuntungan kepada organisasi perniagaan?
- A Mewujudkan peluang pekerjaan
  - B Mengukur tahap prestasi sesebuah perniagaan
  - C Menyediakan pelbagai jenis kemudahan awam
  - D Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri satu bentuk milikan perniagaan.

- Dikawal sepenuhnya oleh pemilik.
- Pemilik bertanggungjawab untuk melaburkan modal dalam perniagaan.
- Keuntungan yang diperoleh dikenakan cukai pendapatan.

Apakah jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Syarikat Sendirian Berhad
  - B Syarikat Awam Berhad
  - C Milikan Tunggal
  - D Koperasi
- 3 Apakah maksud 'Berhad' dalam pemilikan perkongsian berhad?
- A Mempunyai bilangan rakan kongsi yang terhad
  - B Kerugian perniagaan melibatkan harta peribadi
  - C Berkuasa mengurus perniagaan perkongsian
  - D Mempunyai tanggungan yang terhad
- 4 Pernyataan yang manakah benar tentang Koperasi Mesra Jaya Berhad?
- A Modal permulaan diperoleh daripada yuran keahlian
  - B Aktiviti perniagaan yang berunsurkan politik
  - C Aktiviti tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
  - D Menanggung liabiliti yang tidak terhad

5 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan faktor penentu saiz perniagaan

- Syarikat Sinaran Timur mengusahakan pengilangan produk tempatan
- Mempunyai jumlah jualan tahunan melebihi RM50 juta setahun
- Menggunakan pekerja tetap yang berpengalaman seramai 250 orang.

Apakah saiz perniagaan Syarikat Sinaran Timur?

- A Sederhana besar  
 B Sederhana  
 C Kecil  
 D Besar

6 Gambar 1 menunjukkan klasifikasi perniagaan berdasarkan sektor.

Sektor X



Sektor Y



Gambar 1

	Sektor X	Sektor Y
A	Utama (Primer)	Kedua (Sekunder)
B	Kedua (Sekunder)	Ketiga (Tertier)
C	Ketiga (Tertier)	Kedua (sekunder)
D	Kedua (Sekunder)	Utama (Primer)

- 7 Pernyataan manakah yang berkenaan dengan elaun pelaburan semula?
- A Diberikan kepada sektor perniagaan yang dipromosi oleh kerajaan
  - B Pelepasan cukai yang diberi kepada perniagaan yang berstatus MSC
  - C Potongan cukai kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan
  - D Diberi kepada syarikat pengeluaran makanan untuk pembelian aset modal.
- 8 Gambar 2 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan berkaitan perniagaan.



Gambar 2

Apakah peranan utama agensi tersebut ?

- I Mencari dan membangunkan kawasan perdagangan baharu
  - II Menemukan pengeksport Malaysia dengan pengimport dari luar negara
  - III Merancang kuantiti dan kualiti pengeluaran produk sesebuah perniagaan
  - IV Merancang dan mengendalikan latihan kemahiran untuk pengeksport Malaysia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 9 Apakah pengangguran geseran?
- A Berlaku apabila seorang pekerja bekerja dalam jangka masa pendek
  - B Berlaku ekoran perubahan dalam industri yang tidak memerlukan pekerja.
  - C Berlaku apabila pekerja berhenti kerja dan mencari pekerjaan tetapi belum mendapat pekerjaan
  - D Berlaku apabila keadaan ekonomi meleset dan penggunaan teknologi moden menggantikan pekerja

- 10 Situasi manakah yang menunjukkan kitaran ekonomi fasa melambung?
- A Perniagaan akan menambah pengeluaran untuk memenuhi permintaan
  - B Penduduk tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membeli produk
  - C Wujudnya peningkatan dalam tabungan pengguna
  - D Berlaku peningkatan dalam kadar faedah

- 11 Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran produk sebuah kilang.


Kilang Delima mengeluarkan jus delima dengan jumlah kos tetap ialah RM12 000 dan kos berubah RM1.80 seunit. Jus delima tersebut dijual pada harga RM3.00 seunit.

Berapakah untung yang diperoleh jika Kilang Delima mengeluarkan 12 000 botol jus delima?

- A RM 1000
- B RM1 200
- C RM 2 400
- D RM 6 000

SULIT

12 Rajah 2 berkaitan dengan pengeluaran batik oleh Syarikat CEE Batik pada tahun 2021.



Rajah 2

Apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani pola jualan sedemikian?

- A Meningkatkan kos
- B Menurunkan harga produk
- C Meningkatkan pembayaran gaji
- D Meningkatkan bilangan kakitangan

13 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan tentang kos tetap?

- I Kos yang tidak dipengaruhi oleh kuantiti dalam sesuatu pengeluaran
  - II Kos yang ditanggung bergantung pada kuantiti produk dihasilkan
  - III Bil elektrik dan telefon
  - IV Sewa premis
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 14 Bagaimanakah kerajaan memperkukuh ekonomi negara melalui dasar fiskal?
- A Meningkatkan peluang pekerjaan kepada masyarakat
  - B Mengurangkan penawaran barang dan perkhidmatan di pasaran
  - C Mengurangkan kadar faedah bagi menggalakkan penduduk berbelanja
  - D Melalui tindakan perbelanjaan kerajaan dan pelaksanaan cukai tertentu

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Perhubungan industri
- Perkhidmatan pekerja dan kebajikan

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Pentadbiran
- C Khidmat Pelanggan
- D Pengurusan Sumber Manusia

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bagi suatu bahagian fungsian.

Bahagian Fungsian	Peranan
Q	Membantu dan menolong pekerja menyelesaikan masalah berkaitan dengan penggunaan perisian baharu


Apakah Q ?

- A Teknologi maklumat dan komunikasi
- B Penyelidikan dan pembangunan
- C Pengurusan sumber manusia
- D Pentadbiran

**SULIT**

17 Rajah 3 berkaitan dengan proses pengeluaran.

**Input**



Rajah 3

Apakah Z?

- A Produk
- B Pekerja
- C Teknologi
- D Usahawan

18 Apakah yang dimaksudkan dengan gangguan dalam proses komunikasi?

- A Pengolahan terhadap sesuatu idea sedia ada
- B Kaedah yang digunakan untuk menghantar mesej
- C Unsur luaran yang mempengaruhi proses komunikasi
- D Tindak balas penerima terhadap mesej yang diterima

19 Apakah fungsi ganjaran kepada pekerja?

- A Mewujudkan kesetiaan pekerja
- B Meningkatkan keperluan latihan
- C Mewujudkan semangat berpasukan
- D Memantau prestasi sumber manusia



- 20 Antara yang berikut, yang manakah menerangkan fungsi Standard Prosedur Operasi (SOP) dalam sesebuah organisasi?
- A Mewujudkan hubungan yang harmoni antara pekerja dengan majikan
  - B Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
  - C Memantapkan budaya profesional
  - D Memelihara keselamatan pekerja

- 21 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kepentingan struktur organisasi?
- I Mewujudkan rantaian arahan
  - II Mengagihkan tugas pekerja
  - III Menetapkan visi dan misi
  - IV Melatih sumber manusia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkeraan.

Miss Sally telah lama berkhidmat dengan syarikat penerbangan Air Asia. Beliau telah terlatih dan mempunyai banyak pengetahuan dalam deskripsi tugas. Kemahiran kebolehkeraan ini, dapat memberi khidmat yang terbaik untuk syarikat penerbangan.

Apakah kemahiran kebolehkeraan yang ada pada Miss Sally?


- A Berpengalaman
- B Kelayakan yang sesuai
- C Berpengalaman dalam industri tertentu
- D Berpengetahuan tentang perkhidmatan

23 Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh seseorang majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada pekerjaanya?

- I Bilangan pekerja tetap
- II Jumlah produk yang dikeluarkan
- III Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
- IV Peraturan dan undang-undang kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Gambar 3 menunjukkan sejenis perniagaan.



Gambar 3

Apakah jenis sumber fizikal yang berkaitan dengan perniagaan di atas?

- A Stok
- B Bahan mentah
- C Kilang dan mesin
- D Bangunan dan kemudahan

- 25 Apakah tujuan usahawan memohon hak cipta terpelihara?
- A Mendapatkan kebenaran untuk menjual produk mereka ke luar negara
  - B Mendapatkan kebenaran mendapatkan lesen perniagaan
  - C Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
  - D Mendapatkan pelepasan cukai daripada kerajaan

- 26 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan luaran.

- Diberi kepada pemegang akaun semasa sahaja
- Faedah dikenakan mengikut jumlah wang yang dikeluarkan

Apakah sumber pembiayaan yang dimaksudkan?

- A Sewa beli
- B Pinjaman
- C Overdraf
- D Ar-Rahnu

- 27 Situasi berikut adalah perbualan antara seorang peniaga dengan rakannya.

Ahmad : Saya ingin membeli sebuah lori bagi memulakan perniagaan saya, tapi modal tidak mencukupi .

Salleh : Saya cadangkan awak menggunakan kaedah pembiayaan X.

Apakah jenis pembiayaan X yang dimaksudkan?

- A Syer
- B Sewa beli
- C Pemfaktoran
- D Modal daripada keuntungan perniagaan

- 28 Apakah peranan Syarikat Jaminan Kredit Malaysia ( CGC )?

- A Mengajukan program latihan dan bimbingan kepada peniaga
- B Membantu usahawan PKS memohon pinjaman dari bank
- C Membangunkan kemudahan infrastruktur perniagaan
- D Memasarkan produk bagi pihak usahawan PKS


- 29 Gambar 4 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 4

Manakah yang benar mengenai agensi tersebut ?

- A Memberi jaminan kredit
  - B Menyediakan kemudahan ruang niaga
  - C Menawarkan modal tambahan kepada usahawan
  - D Menawarkan geran insentif dalam bidang sains dan teknologi
- 30 Apakah contoh yang sesuai bagi ambilan dalam Kunci Kira-kira bagi perniagaan kedai runcit?
- A Siti mengeluarkan wang tunai perniagaan untuk kegunaan peribadi
  - B Muthu mengeluarkan wang tunai simpanan peribadi untuk berbelanja
  - C Encik Lim memohon pembiayaan bank untuk menambah modal
  - D Ramli menggunakan kereta miliknya untuk melancong
- 31 Rajah 4 berkaitan dengan pengeluaran dalam suatu produk.



Rajah 4

Situasi manakah yang ditunjukkan oleh kawasan berlorek ?

- A Jumlah hasil sama dengan jumlah kos
- B Pertambahan pengeluaran meningkatkan kerugian
- C Pertambahan pengeluaran meningkatkan keuntungan
- D Pertambahan pengeluaran tidak mendatangkan sebarang untung atau rugi

32 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan nisbah pusing ganti stok ?

- A Perniagaan produk keperluan harian mempunyai kadar pusing ganti stok yang rendah berbanding dengan perniagaan emas
- B Peningkatan dalam nisbah pusing ganti stok menunjukkan pertambahan kecekapan dalam mengurus aset
- C Penurunan dalam nisbah pusing ganti stok menunjukkan stok tidak laku
- D Kadar pusing ganti stok yang rendah menunjukkan stok banyak terjual

33 Antara berikut, pernyataan manakah berkaitan dengan ciri-ciri usahawan bijak mengambil peluang perniagaan ?

- A Fuad mengadakan majlis perasmian kedainya di Kota Bharu
- B Puan Ana membuka kedai dobi di kawasan perumahan baharu
- C Encik Tan menambah bilangan pekerja kurang mahir di kilangnya
- D Encik Razali menambah stok daging lembu dingin beku di kedainya

34 Antara yang berikut, yang manakah sumbangan usahawan kepada negara?

- A Menawarkan pelbagai produk
- B Menyediakan peluang pekerjaan
- C Menggalakkan masyarakat lebih berdikari
- D Menggalakkan pengaliran masuk modal asing


- 35 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan?
- I Meningkatkan imej peribadi usahawan
  - II Menggunakan mesin berteknologi tinggi
  - III Menyediakan dana untuk golongan kurang upaya
  - IV Menjadikan masyarakat setempat sebagai sasaran pelanggan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 36 Apakah kelebihan seseorang peniaga mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ( SSM ) ?
- A Bebas memindahkan lokasi perniagaan
  - B Mendapat entiti yang sah di sisi undang-undang
  - C Mendapat pengecualian daripada membayar cukai
  - D Mudah mendapat sumber pembiayaan daripada institusi kewangan
- 37 Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Kedai Roti Ayu Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2021			
Butiran	April (RM)	Mei (RM)	Jun (RM)
Baki b/b			
<u>PENERIMAAN</u>			
<b>W</b>			
<u>PEMBAYARAN</u>			
<b>X</b>			

Apakah contoh butiran bagi W dan X ?

	W	X
A	Komisen diterima	Belian tunai
B	Gaji	Modal
C	Iklan	Belanja utiliti
D	Belanja utiliti	Jualan tunai

38 Rajah 5 berkaitan dengan penghasilan suatu produk.



Rajah 5

Apakah ciri G ?

- A Reka bentuk
- B Harga yang murah
- C Menggunakan ejen jualan
- D Mengiklankan melalui media sosial

39 Bagaimana usahawan melakukan jualan langsung untuk melariskan produknya ?.

- A Interaksi secara bersemuka dengan bakal pelanggan
- B Menyerahkan kepada pihak media massa
- C Memberikan sampel percuma
- D Mengedarkan risalah

- 40 Mengapakah rancangan perniagaan sesebuah syarikat penting kepada pihak bank ?
- A Mengurangkan kesilapan dalam mengurus syarikat berkenaan
  - B Melihat kemampuan syarikat membayar balik hutang
  - C Meyakinkan bank untuk membuat pelaburan
  - D Mengenalpasti risiko yang mungkin terjadi

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**